



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368320/068/038
Bil. : KEW(S) 400-0/2/22 JLD.6
Tarikh : 03 November 2021

NOTIS PENGUMUMAN (3)

Kepada sesiapa yang berkenaan,

YBhg Datuk/Tuan/Puan,

PENANGGUHAN BAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH BERMULA BULAN MEI 2021 SEHINGGA DISEMBER 2021

Dengan hormatnya, perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

Pelaksanaan CJN adalah diteruskan

2. Seperti yang telah diumumkan oleh YB. Pembantu Menteri Kewangan I semasa sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 22 September 2021, Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan CJN ke atas Komoditi Perikanan yang dibawa keluar dari Sabah.

Penangguhan ke atas bayaran CJN

3. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk menangguhkan pembayaran cukai bagi bulan Mei sehingga Disember 2021 yang sepatutnya dibayar pada tahun ini. Walau bagaimanapun, pihak syarikat masih perlu membuat pengisytiharan (melalui Borang pada setiap bulan sepanjang tempoh penangguhan tersebut. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pihak syarikat apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali selaras dengan Seksyen 14 (7), Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

.../2

“SABAH MAJU JAYA”



PENANGGUHAN BAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH BERMULA BULAN MEI 2021 SEHINGGA DISEMBER 2021

Pembayaran CJN

4. Sila maklum bahawa bayaran CJN bagi bulan Mei 2021 sehingga Disember 2021 hendaklah dikemukakan **secara penuh pada atau sebelum 28 Januari 2022.** Kegagalan untuk mematuhi tempoh bayaran ini boleh menyebabkan pihak syarikat dikenakan tindakan penalti 10% selaras dengan Seksyen 18, Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

Pendaftaran Lesen CJN

5. Tindakan sekatan di peringkat pengeluaran permit/lesen eksport oleh Jabatan Perikanan Sabah (DOF) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia(LKIM) akan/sedang dilaksanakan termasuk semasa tempoh penangguhan bagi syarikat yang masih belum berdaftar lesen CJN. Oleh itu, pihak syarikat adalah dinasihatkan untuk berdaftar secepat yang mungkin bagi yang berkenaan.

6. Untuk penerangan lanjut dan panduan ke atas CJN ini, YBhg Datuk/tuan/puan boleh merujuk laman sesawang Kementerian Kewangan Negeri di <https://mof.sabah.gov.my/>

Pertanyaan

7. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dan merujuk kepada Unit Cukai Jualan Negeri, Bahagian Kewangan dan Ekonomi di talian 088-368071/038/023.

Sekian dan harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK HAJI RUSDIN RIMAN C.A(M),FCPA(A), CPFA(UK))

Setiausaha Tetap

Selaku Pengarah Cukai Jualan Negeri

**PENANGGUHAN BAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS
KOMODITI PERIKANAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH BERMULA BULAN
MEI 2021 SEHINGGA DISEMBER 2021**

s.k. Peguam Besar Negeri Sabah
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Aras 22 & 23, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
KOTA KINABALU

Setiausaha Tetap
Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah
Aras 7 & 8, Wisma Pertanian
Jalan Tasik, Luyang, Beg Berkunci 2049
88624 KOTA KINABALU.

Timbalan Pengarah Kastam Operasi Perkastaman Zon Sabah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Sabah
Aras 7, Wisma Kastam Sabah, Jalan UMS
88400 KOTA KINABALU.

Pengarah
Jabatan Perikanan Sabah
Aras 4, Blok B, Wisma Pertanian Sabah,
88624 KOTA KINABALU.

Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Cawangan Sabah)
Lot 72 & 73, Blok K, Plaza Utama Alamesra
88450 KOTA KINABALU.

“SABAH MAJU JAYA”